

# PM kecewa ramai graduan Melayu masih mengganggu

5 MAY 2002

Oleh WAN ESURIYANTI  
WAN AHMAD

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa sedih dan kecewa kerana 94 peratus daripada lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mengganggu, adalah graduan Melayu.

Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang menghairankan mengapa ia berlaku tetapi kerajaan mengenal pasti antara puncanya, disebabkan kebanyakan mereka lulus pengajian yang tidak mempunyai kaitan dengan banyak bidang pekerjaan.

"Saya hairan (mereka) ini daripada kalangan lulusan IPT. Kenapa? Kita nak tahu. Kerajaan dapati bahawa mereka lulus dalam bidang yang tidak ada kaitan dengan pasaran kerja seperti mengambil jurusan sastera dan agama," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja 2002 anjuran Kementerian Sumber Manusia, di Stadium Melawati, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Tovo.

Dr Mahathir berkata, kumpulan graduan yang mengganggu tidak boleh menyalahkan kerajaan semata-mata, kerana pemilihan kursus di IPT dibuat oleh mereka sendiri.

"Sekarang mereka tak ada dapat kerja. Jadi mereka marah kepada kerajaan dan masuk parti lawan tetapi ini semua, dia yang pilih dan bukan kita (kerajaan)," katanya.

Mengenai langkah kerajaan membantu graduan mengang-

gur itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah membelanjakan RM300 juta untuk memberi latihan kepada lulusan IPT yang gagal mendapat kerja.

Malah, katanya, mereka juga ada yang ditempatkan di jabatan kerajaan selama enam bulan dengan menerima elaun, bagi mendapat pengalaman.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata ramai Melayu lulusan IPT mengganggu kerana memilih jurusan yang tidak bernilai dan tidak mahir dalam penguasaan bahasa Inggeris.

Perdana Menteri berkata, pencinta bahasa kebangsaan juga mungkin marah, tetapi jenis pekerjaan yang diwujudkan industri tertentu terutama yang dimiliki rakyat asing memerlukan kefasihan dalam bahasa Inggeris.

"Mempelajari bahasa Inggeris bukan bermakna menolak bahasa sendiri. Pada zaman ini penguasaan satu bahasa saja tidak mencukupi. Setiap orang mesti menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa.

"Pada masa yang sama, kita juga tak nafikan mata pelajaran sastera dan agama adalah penting tetapi hakikatnya ialah peluang pekerjaan bagi bidang ini tidak begitu banyak sedangkan mereka ini begitu ramai.

"Kita tidak boleh adakan peluang kerja semata-mata kerana ramai yang lulus dalam bidang yang tidak penting," katanya.

Dr Mahathir berkata, peluang pekerjaan bagi lulusan kedua-dua kursus berkenaan adalah terhad kepada bidang

perguruan saja.

Dr Mahathir berkata, biarpun jumlah guru adalah terbesar iaitu 300,000 orang daripada jumlah kakitangan kerajaan seramai sejuta orang, jawatan itu sudah dipenuhi dan kekosongan bagi lulusan berkenaan juga tidak banyak.

"Tahun ini kita akan menerima masuk ramai penuntut ke IPT awam dan swasta. Saya harap ramai yang akan pilih jurusan sains dan teknologi dan juga berbagai-bagai kemahiran yang boleh menjamin peluang kerja kemudian," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai kepentingan masyarakat dalam menyertai revolusi industri agar tidak ketinggalan dengan bangsa-bangsa lain di dunia yang berjaya mencapai kejayaan melaluinya.

Di samping itu, beliau juga mengingatkan supaya golongan pekerja tidak terbawabawa dengan pendekatan dan ideologi Barat kerana mereka sering mencipta sesuatu untuk kepentingan mereka semata-mata.

"Saya bukan anti-Barat tetapi kita harus tahu Barat bukan pemilik tunggal kebijaksanaan dan kepintaran berfikir. Barat percaya kepada pertarungan kekuatan dalam menyelesaikan masalah.

"Kita tidak perlu pohon maaf dari sesiapa kerana amalan kita di Malaysia. Cara mereka tidak semestinya lebih baik dan cara kita tidak semestinya lebih buruk. Yang penting bukan ideologi atau persepsi tetapi kesejahteraan kehidupan kita," katanya.

# 94% penganggur IPT Melayu

dan menyalahkan kerajaan dengan menyatakan kemarahan melalui cara-cara tertentu.

"Antara mereka yang kecewa ini akan pergi ke luar negara untuk belajar dalam jurusan ini di institusi yang tidak diiktiraf oleh kerajaan atau swasta," katanya.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri berkata, kerajaan hairan mengapa ramai lulusan IPT dari kalangan orang Melayu menganggur.

"Tetapi kita dapati mereka ini mempunyai kelulusan dalam bidang yang tidak ada kaitan dengan pasaran kerja umpamanya ambil jurusan sastera dan agama," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebab itu kerajaan baru-baru ini mewajibkan mereka yang belajar bidang agama mengambil sekurang-kurangnya satu jurusan lain yang boleh membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

"Sekarang ini mereka tidak kerja, lepas itu mereka marah dan masuk parti lawanlah.

---

## Jurusan

"Dia yang pilih (jurusan), bukan kita yang pilih," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga menyediakan pelbagai bentuk program latihan dan kemahiran serta membelanjakan hampir RM300 juta untuk tujuan berkenaan.

"Kita adakan program latihan selama enam bulan, mereka ini disangkut di jabatan-jabatan kerajaan supaya dapat pelajari sesuatu yang ada kaitan dengan kerja mereka.

"Pada masa yang sama, kita juga bagi mereka ini elaun," katanya.

Perdana Menteri berkata, seperkara lagi yang menyebabkan ramai orang Melayu tidak mendapat pekerjaan ialah kerana mereka tidak menguasai bahasa Inggeris.

Beliau berkata, di zaman teknologi maklumat ini tanpa penguasaan bahasa Inggeris, ilmu yang berkaitan dan pekerjaan sukar dikuasai.

Jelasnya, mempelajari bahasa Inggeris bukan bermakna menolak bahasa sendiri dan penguasaan satu bahasa sahaja tidak mencukupi.

Dr. Mahathir berkata, tahun ini negara akan menerima ramai penuntut ke

IPT awam dan swasta dan berharap ramai akan memilih jurusan sains dan teknologi serta pelbagai kemahiran lain untuk menjamin peluang pekerjaan.

Sementara itu, kata Perdana Menteri, golongan pekerja di negara ini diminta berhati-hati dengan ideologi yang diperkenalkan oleh negara maju berkaitan cara-cara penyelesaian masalah pekerja dan majikan.

Beliau berkata, pekerja jangan ter-bawa-bawa dengan cara, pendekatan dan ideologi Barat kerana apa yang dicipta oleh mereka adalah untuk kepentingan sendiri.

---

## Ideologi

"Ideologi yang dicipta oleh negara asing bukan untuk kebaikan pekerja negara ini, tetapi adalah untuk pekerja negara berkenaan.

"Ideologi yang dicipta ini akan gugur sendiri dan mereka gantikan dengan yang lain.

"Kita harus tahu Barat bukan pemilik tunggal kebijaksanaan dan kepintaran berfikir. Barat percaya kepada pertarungan kekuatan untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Dr. Mahathir menambah, di Amerika Syarikat walaupun kebebasan bermogok diberi kepada kesatuan sekerja, tetapi ramai pekerja tidak menjadi ahli kerana tidak lagi percaya mogok boleh menolok mereka.

Beliau berkata, disebabkan itu ekonomi Amerika Syarikat adalah lebih baik dan mudah dipulih berbanding ekonomi negara-negara Eropah.

"Alhamdulillah di Malaysia mogok tidak diadakan dengan sewenang-wenangnya. Kesatuan sekerja dan majikan lebih sanggup berunding dan mahkamah industri dapat campur tangan jika rundingan tidak berhasil.

"Lagi pun kesatuan sekerja tidak dijadikan alat politik parti yang ingin menggunakan senjata mogok untuk menjayakan politik mereka," katanya.